

# AXCEL ERYTHROMYCIN ES-200 SUSPENSION

Erythromycin (200mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.
2. Bagaimana Axcel Erythromycin ES-200 Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension

Axcel Erythromycin ES-200 Suspension digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh organisma yang replikasinya mudah direncat dalam penyakit-penyakit berikut: jangkitan bahagian atas dan bawah saluran pernafasan, *pertussis*(batuk kokol),jangkitan kulit dan tisu lembut, *otitis media*, *erythrasma* (penyakit kulit), *listeriosis*, *diphtheria*, *primary syphilis* (penyakit kelamin) dan pencegah jangkitan jantung.

## Bagaimana Axcel Erythromycin ES-200 Suspension berfungsi

Axcel Erythromycin ES-200 Suspension mengandungi bahan yang dipanggil Erythromycin. Erythromycin adalah sejenis antibiotik daripada kumpulan macrolides. Macrolides membunuh atau merencat pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah terhadap ubat-ubatan yang mengandungi erythromycin atau antibiotik lain daripada kumpulan macrolide.

- Gejala-gejala tindak balas alahan termasuk ruam, gatal-gatal, pembengkakan muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain, sesak nafas, berdehit atau kesukaran bernafas.
- Jika anda alah terhadap mana-mana bahan-bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.
  - Jika anda mempunyai penyakit hati.

### -Sebelum menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension

Sebelum anda mengambil Axcel Erythromycin ES-200 Suspension anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada mana-mana ubat-ubatan.
- Jika anda mempunyai kegagalan fungsi hati.
- Jika anda menghidapi *myasthenia gravis*
- Jika anda pernah menghidapi *arrhythmias*.
- Jika anda cirit-birit.
- Jika anda menghidapi *rhabdomylosis* (kecederaan otot) atau penyakit buah pinggang.
- Sila rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension jika anda hamil, merancang untuk hamil, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menimbang risiko dan manfaat yang dijangkakan sebelum anda mengambil Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan kerana ia akan berinteraksi dengan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension seperti:

- Ubat-ubatan yang menyebabkan kecederaan hati atau pendengaran
- Cimetidine, ubat gastrik

- Carbamazepine, phenytoin, Valproate, ubat sawan
- Cyclosporine, ubat yang digunakan selepas pemindahan organ
- Alfentanil, ubat tahan sakit
- Cisapride, ubat untuk perut
- Lovastatin, ubat untuk merendahkan tahap kolesterol
- Terfenadine, untuk reaksi alergi
- Theophylline, untuk asma
- Digoxin, ubat untuk jantung
- Ergotamine, ubat untuk migrain
- Midazolam, ubat untuk kebimbangan

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

## Cara menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 400mg (10ml), setiap 6 jam atau 800mg (20ml), setiap 12 jam. Dos boleh ditingkatkan sehingga 4g setiap hari mengikut keadaan jangkitan.

Kanak-kanak 2 hingga 8 tahun: 1g (25ml) setiap hari dalam dos berbahagi.

Bayi dan kanak-kanak sehingga 2 tahun: 500 mg (12.5ml) setiap hari dalam dos berbahagi.

### Arahan untuk campuran:

Goncang botol dengan betul untuk meleraikan granul. Tambahkan sedikit air dahulu untuk melarutkan granul dan goncang, kemudian tambah air sehingga ke penanda dan gantikan penutup. Goncang botol untuk mencampurkan ubat itu dengan betul.

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

# AXCEL ERYTHROMYCIN ES-200 SUSPENSION

Erythromycin (200mg/5ml)

## -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Erythromycin ES-200.

## -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil Axcel Erythromycin ES-200 Suspension walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda tidak dapat pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat anda terlalu awal.

## -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Di dalam kes pengambilan yang berlebihan, pesakit perlu berhenti mengambil erythromycin.
- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## **Semasa menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension**

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

menggunakan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Beritahu doktor anda jika anda mengambil Axcel Erythromycin ES-200 Suspension dan simptom jangkitan anda tidak bertambah baik dalam beberapa hari, atau bertambah buruk.
- Beritahu doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami cirit-birit yang teruk.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Erythromycin ES-200 Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan yang lama dan berulang boleh menyebabkan bakteria atau kulat yang tidak sensitif tumbuh dengan mendadak.
- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Axcel Erythromycin ES-200 Suspension memberi kesan kepada anda.

### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Erythromycin ES-200 Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastrointestinal seperti ketidakselesaan dan

kekejangan perut, rasa loya, muntah-muntah dan cirit-birit.

- *Pseudomembranous colitis* (keradangan pada usus besar), hepatotoksid (menjejaskan fungsi hati), ototoksid (menjejaskan pendengaran)
- Keadaan alergi dari ruam hingga *anaphylaxis* (serius reaksi alahan terhadap bahan asing yang mempengaruhi pelbagai bahagian badan dan boleh mengancam nyawa).
- *Ventricular arrhythmias* (kadar degupan jantung yang tidak normal), termasuk *ventricular tachycardia* (degupan jantung yang cepat).
- *Agranulocytosis* (penurunan sel-sel darah putih), ketoksikan saraf pusat termasuk reaksi psikotik (contohnya halusinasi), mimpi ngeri, *myasthenia-like syndrome* (kelemahan otot) dan keradangan pankreas.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyedari apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku kepada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers -> Reporting).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Erythromycin ES-200 Suspension daripada kanak-kanak. Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C sehingga dilarutkan. Selepas dilarutkan, simpan di bawah 25°C dan guna dalam tempoh 35 hari. Penyejukan tidak diperlukan.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi

# AXCEL ERYTHROMYCIN ES-200 SUSPENSION

Erythromycin (200mg/5ml)

---

rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### *-Rupa dan warna produk*

Axcel Erythromycin ES-200 Suspension ialah granul berwarna putih yang menghasilkan larutan berwarna kuning dengan perisa buah-buahan setelah dicampur dengan air.

### *-Bahan-bahan kandungan*

#### *Bahan Aktif:*

Erythromycin Ethylsuccinate.

#### *Bahan Tidak Aktif:*

Icing Sugar, Dibasic Sodium Phosphate, Sodium Saccharin, PVP K30, Dimethicone, Xanthan Gum, Tween 20, Aerosil, Mixed Fruit Flavor dan Quinoline Yellow.

### *-Nombor MAL*

MAL20000365AZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

19/11/2015

## **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)021115/00392